

**Pengaruh pencapaian akademik dan tahap memori visual jangka pendek terhadap tahap kemahiran visualisasi murid yang mengambil mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan**

**ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti hubungan antara pencapaian akademik dan memori visual jangka pendek dengan kemahiran visualisasi murid yang mengambil mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan. Kajian juga memeriksa sama ada terdapat perbezaan kemahiran visualisasi antara murid lelaki dan perempuan yang mengambil mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan. Sampel kajian ini terdiri daripada 56 orang murid telah dipilih secara rawak mudah yang melibatkan semua sekolah yang menawarkan mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan di zon Pudu, Kuala Lumpur. Instrumen kajian yang digunakan adalah Delayed Match to Sample (DMTS) dan Spatial Visualization Ability Test (SVAT). Data yang diperoleh telah dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi bagi menjawab persoalan kajian. Hasil kajian mendapati terdapat hubungan signifikan yang tinggi antara pencapaian akademik PMR dengan tahap kemahiran visualisasi murid. Manakala, dapatan juga menunjukkan hubungan signifikan yang sederhana antara memori visual jangka pendek dengan tahap kemahiran visualisasi. Hasil kajian juga menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan di antara kemahiran visualisasi berdasarkan jantina.

**Keyword:** Achievement of lower secondary evaluation; Visual short-term memory; Visualization skills; Engineering blueprint